



SIARAN MEDIA

JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

PROGRAM SEMARAK AIDILFITRI MENYERIKAN HARI RAYA 1,000 WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN YANG KURANG BERKEMAMPUAN

11 APRIL 2025

Dalam membangunkan Malaysia MADANI yang sentiasa cakna dengan keperluan rakyat, Jabatan Wilayah Persekutuan bersama Perbadanan Labuan menganjurkan acara majlis tahunan bagi komuniti Labuan menerusi Program Semarak Aidilfitri 2025/1446H. YB Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) hari ini menyerahkan bantuan wang tunai sebanyak RM200.00 kepada 500 orang asnaf di Wilayah Persekutuan Labuan termasuk anak-anak yatim, warga emas, ibu tunggal, OKU dan mereka yang kurang berkemampuan sahaja. Sumbangan kepada penerima selebihnya akan diserahkan secara berperingkat melibatkan keseluruhan penerima 1,000 orang. Sumbangan yang disampaikan dalam Program Semarak Aidilfitri ini merupakan sumbangan wang zakat daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Pemilihan penerima sumbangan ini dipilih melalui senarai asnaf yang berdaftar dengan MAIWP, sistem eKasih dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kategori asnaf yang dipilih juga termasuk golongan fakir, miskin, al-gharimin, al-riqab, fisabillah dan muallaf. Melalui penganjuran program Semarak Aidilfitri Wilayah Persekutuan Labuan ini, pihak kerajaan dapat menyantuni golongan miskin yang seterusnya dapat meringankan beban golongan ini selaras dengan penekanan kerajaan untuk peduli dan belas kasihan selari dengan aspirasi Malaysia MADANI Insan dalam memastikan kebajikan rakyat terus terpelihara.

Diharapkan melalui program Semarak Aidilfitri Wilayah Persekutuan ini dapat mengeratkan kasih sayang antara masyarakat Wilayah Persekutuan Labuan sekaligus dapat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum tanpa mengira latar belakang bagi menyambut kemeriahkan suasana perayaan Aidilfitri yang mulia.

Disediakan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat
Jabatan Wilayah Persekutuan**

11 April 2025

